



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	2/8/2011

Tun Abdullah Ahmad Badawi menerima Ijazah Doktor Kehormat dalam Pembangunan Modal Insan

"Universiti ini berupaya untuk mencapai banyak kejayaan di dalam tempoh yang singkat kerana pendekatan inovatif dalam segala aspek. Institusi ini wajar digelar Universiti Inovasi kerana ia telah mentransformasikan pendidikan di dalam pelbagai cara bukan sahaja di tanahair bahkan juga di luar negara. Saya percaya tiada institusi pengajian tinggi lain yang berjaya mengeksport pendidikan Malaysia ke beberapa negara sepertinya.

Pembangunan Modal Insan adalah sesuatu yang dekat pada hati saya. Saya sentiasa percaya bahawa seseorang insan yang dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan



nilai-nilai murni serta berfikiran terbuka mampu memacu negara ke hadapan. Kita boleh membina bangunan tertinggi, kita mampu memiliki gajet terkini, tetapi jika kita tidak mempunyai modal insan yang bestari untuk bekerja di dalam bangunan tersebut atau mengendalikan alat-alat canggih itu, kita tidak menambahkan nilai kepada kerja kita. Ini adalah kebenaran yang nyata. Kita harus membangunkan modal insan kita sebelum kita membangunkan ekonomi kita."

***YABhg Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi**
Perdana Menteri Malaysia Kelima, 16 Julai 2011*

Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam Pembangunan Modal Insan di majlis penyampaian ijazah.

Tun Abdullah diberi pengiktirafan di atas perkhidmatan awamnya selama 45 tahun dan untuk kepimpinan dalam memajukan pembangunan belia tanahair.